

Usaha tangani cubaan burukkan negara diselaras

BH 10 OCT 2008

KUCHING, Isnin – Kementerian Penerangan akan menyelaraskan segala usaha perlu dengan semua kementerian, bagi menanganinya cubaan memburukkan negara dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, khususnya di luar negara.

Menterinya, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, berkata adalah menjadi tanggungjawab semua kementerian, khususnya Kementerian Luar dan Kementerian Penerangan untuk menyampaikan penerangan serta fakta sebenar kepada semua pihak, termasuk di luar negara.

Usaha bersepadu ini katanya, sekali gus bertujuan membanteras kegiatan memutar belitkan penerangan serta fakta sebenar oleh pembangkang, yang kini semakin menular dan berleluasa bukan saja di seluruh negara, malah juga di luar negara.

Menurutnya, kehadiran Perdana Menteri sendiri di luar negara juga adalah cara paling berkesan, untuk menjelaskan keadaan sebenar yang berlaku di negara ini.

“Dengan hadir sendiri di luar negara dan dengan adanya interaksi secara

langsung dengan Perdana Menteri, mereka yang terabit dapat mendengar serta memahami penjelasan beliau,” katanya ketika ditanya mengenai usaha bagi menangani kegiatan terancang bagi memburukkan Dr Mahathir di luar negara.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas merasmikan Pameran Keranamu Malaysia sempena Kuiz Kenegaraan 2000 Peringkat Kebangsaan di Kompleks Beli-Belah Riverside di sini, hari ini.

Pameran tiga hari itu dianjurkan Jabatan Penerangan Malaysia. Hadir sama ialah Pengarah Gerak Saraf, Abdullah Morad yang mewakili Ketua Pengarah Penerangan dan Pengarah Penerangan Negeri, Nik Mohd Kamal Wan Mustapha.

Mengenai ada pihak yang mengadakan demonstrasi di London sempena lawatan Perdana Menteri di sana baru-baru ini, Khalil yang juga Setiausaha Agung Umno berkata, ia memang berlaku tetapi berdasarkan laporan yang beliau terima, ia tidak mendapat sokongan banyak pihak.

“Ini kerana kebanyakan orang faham kedudukan perkara sebenar. Mereka

tidak lagi mudah terpengaruh dan mendengar cerita daripada sebelah pihak saja.

“Apa yang dilakukan Perdana Menteri (pergi ke luar negara) nampaknya mendapat sambutan baik, sebaliknya usaha pihak yang cuba menyekat kehadiran beliau (Perdana Menteri), tidak mendapat sambutan,” katanya.

Beliau juga mengajak semua pihak, termasuk parti komponen Barisan Nasional (BN) agar sama-sama mengambil langkah perlu bagi membendung kegiatan cuba memburukkan kerajaan serta pemimpin negara ini.

Dalam ucapannya terdahulu, Khalil berkata, Perdana Menteri disanjung tinggi sebagai pemimpin yang bukan sahaja membuat sumbangan untuk pembangunan dan kemajuan negaranya sendiri, tetapi juga menyumbang pemikiran serta tenaga bagi memajukan negara membangun yang lain.

“Kita boleh lihat bagaimana Perdana Menteri kita dihormati dan diberi pengiktirafan. Bagaimanapun, kita di Malaysia ini kadangkala kurang faham keadaan

itu, kerana berlakunya perkara memutar belitkan penerangan.

“Adalah menjadi tugas bahagian penerangan khususnya Kementerian Penerangan untuk memperbetulkan banyak fakta yang cuba diputar belitkan itu,” katanya.

Khalil berkata, usaha memutarbelitkan fakta untuk memburukkan kerajaan ini turut dilakukan menerusi Internet, surat layang dan cerita di kedai kopi.

Menerusi penyelewengan fakta ini, mereka yang terabit tambah beliau, menyebut keadaan pentadbiran di Malaysia seolah-olah tidak ada gunanya lagi.

“Sudah tentulah perkara ini tidak benar. Malaysia-lah satu-satunya negara yang boleh menyelamatkan diri daripada gejala tekanan ekonomi dari luar, dengan mengambil langkah sendiri yang dilaksanakan Perdana Menteri.

“Tidak ada negara lain yang berjaya melepaskan diri daripada cengkaman ekonomi dari luar ini dan hanya Malaysia yang berjaya melakukannya. Apakah kita tidak boleh memberi penghargaan serta penilaian sendiri?,” soal beliau.